




PETIKAN AKHBAR

Kerajaan lulus 6,731 permohonan bernilai RM1.259 bilion di bawah skim pembiayaan PKS PENJANA – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 24 FEBRUARI 2021



KUALA LUMPUR, 24 Feb – Kerajaan meluluskan 6,731 permohonan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.259 bilion di bawah skim pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) setakat 12 Feb, 2021, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Skim Pembiayaan PKS PENJANA dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion itu mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini.

Beliau berkata bagi sektor Pelancongan PENJANA, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion bagi PKS dan PKS Mikro yang masih terkesan dengan COVID-19.

Terdapat 579 permohonan bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak 282 permohonan telah diluluskan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM57.1 juta, kata Tengku Zafrul semasa membentangkan laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) ke-42, hari ini.

Manakala bagi pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional, sebanyak RM363.4 juta

telah disalurkan bagi memanfaatkan 10,774 PKS Mikro termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Bagi Pembiayaan Usahawan Bumiputera yang telah diperkenalkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd dengan dana RM200 juta, sebanyak 572 PKS telah menerima dana bernilai RM161.7 juta setakat 12 Feb, 2021 , berbanding 548 PKS yang telah menerima dana berjumlah RM153.0 juta pada minggu sebelumnya.

Menyentuh tentang Matlamat Memperkasakan Rakyat, program Subsidi Upah Fasa Pertama (PSU 1.0) masih berjalan dan program ini telah mencapai nilai penyaluran RM12.763 bilion untuk 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja yang didaftarkan.

Manakala bagi PSU2.0, sejumlah RM770.31 juta telah disalurkan kepada 65,398 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 534,183 pekerja, katanya.

Tengku Zafrul berkata seperti yang dinyatakan semasa Belanjawan 2021, PSU bersasar juga diperkenalkan bagi membantu sektor pelancongan dan peruncitan, manakala kesemua sektor yang terkesan oleh pelaksanaan PKP tahun ini adalah layak untuk menerima sokongan PSU 3.0 di bawah Pakej Bantuan PERMAI.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK